



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 (63)

Tarikh: 14 Mac 2013

Ketua Pengarang,

Utusan Malaysia

Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 7 Mac 2013

Perkara : Pembeli Mohon SPRM Siasat Pemaju Perumahan

Dengan hormatnya artikel bertajuk 'Pembeli Mohon SPRM Siasat Pemaju Perumahan' bertarikh 7 Mac 2013 adalah berkaitan.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa, pihak kementerian telahpun menyiapkan Kertas Siasatan untuk mendakwa pemaju, Binalif Property & Development Sdn. Bhd. yang dulu dikenali sebagai Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. di bawah seksyen 5(1), Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) & Peraturan-peraturan. Siasatan oleh JPN mendapati pemaju ini telah menjalankan empat (4) projek perumahan di Kapar, Klang tanpa memiliki lesen pemajuan. Butir-butir projek adalah seperti berikut :

| Bil. | Nama Projek | Bil. Unit | Jenis | Status Siap |
|------|------------------------------|-----------|----------------------------|-------------|
| 1. | Taman Meru Ria, Meru, Kapar, | 23 | Banglo dan Rumah Berkembar | 0% |

| | | | | |
|--------|---------------------------------|-----|-----------------------|-----|
| 2. | Taman Meru Ria 2, Kapar, Klang | 38 | Rumah Teres 1 Tingkat | 70% |
| 3. | Taman Sri Kencana, Kapar, Klang | 35 | Rumah Teres 1 Tingkat | 70% |
| 4. | Taman Meru 1, Kapar, Klang | 25 | Rumbar Berkembar | 70% |
| JUMLAH | | 121 | | |

Pembeli yang terlibat diminta menghubungi segera JPN dan mengemukakan salinan dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Perjanjian Jual Beli (S&P)
- ii. Surat Kelulusan Pinjaman Bank / Kerajaan / Institusi Kewangan
- iii. Hakmilik tanah (jika ada)
- iv. Resit-resit bayaran

Pembeli boleh berurusan terus dengan Bahagian Penguatkuasaan di alamat seperti berikut:

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan
 Jabatan Perumahan Negara
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Aras 30, No.51, Persiaran Perdana
 Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62100 Putrajaya, MALAYSIA
 No. Telefon : 603 - 8891 4057 / 5000
 No. Faksimile: 603 - 8891 4045
 Emel : enforcement@kpkt.gov.my

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my